

SELAGI SUKARNO MEMERINTAH NEGARA INDONESIA AKAN HANCUR?

Keganasan yang bersifat komunis telah berjalan dengan maraknya di Indonesia sekarang. Kerajaan Indonesia tidak boleh lagi dikritik segala langkah-langkahnya. Sesiapa yang mengkritik akan dituduh sebagai pengikut pemberontak. Suratkhobar-suratkhobar banyak yang ditahan penerbitannya – suratkhobar yang berjalan hanya suratkhobar-suratkhobar yang sesuai dengan langkah kerajaan atau yang menjadi trompet kerajaan sahaja – jadinya tidak ada lagi suara rakyat yang boleh disuarakan di pusat kerajaan Indonesia.

(Oleh: Wakil Khas Kita)

Perintah-perintah telah dikeluarkan pemerintah tentera untuk mengharamkan parti-parti Islam (Masyumi), parti Kristian dan beberapa parti lagi di daerah-daerah yang bergolak di Sumatera dan Sulawesi kerana mereka menyangka bahawa dengan tepat atau tidak tepat bahawa mereka itu adalah penyokong-penyokong gerakan pemberontak yang menghendaki perubahan di dalam negara.

Dengan keluarnya hukuman ini bermakna parti-parti pembangkang kepada pemerintahan dihapuskan dengan kuatkuasa tentera dan tidaklah dapat lagi segala kezaliman-kezaliman yang berlaku dapat dikemukakan kehadapan pemerintahan supaya diadili.

Sebagai satu perumpamaan yang molek diketahui ialah keadaan di Medan. Di luar kota Medan keadaan sekeliling tidak aman. Penduduk-penduduk takut hidup di sana kerana selain daripada kekuasaan-kekuasaan Republik Revolusioner berkuasa maka di sana hidup pula mereka-mereka yang mencari peluang pendapat hidup dengan mudah, hidup dengan mengambil dan merompak harta orang.

Dan dalam bandar, yang hanya dikuasai oleh pemerintah pusat penduduknya ketakutan pula atas kezaliman-kezaliman yang dilakukan oleh polis, pegawai-pegawai dan tentera yang sifatnya berbuat semau-maunya seperti Jepun dahulu. Walhasil penderitaan-penderitaan yang hebat berlaku.

Di dalam keadaan yang beginilah pengikut parti yang bukan parti pendukung pemerintah akan menerima penderitaan yang hebat terkadang-kadang mereka itu ditangkap dengan tidak memberi sebab kerana tidak berkenan dengan partinya terus sahaja ditangkap. Ini ditujukan supaya pengaruh parti-parti lumpuh dan tidak ada lagi parti-parti lain yang hidup selain daripada parti-parti pemerintah sendiri.

Banyak pemimpin-pemimpin Masyumi yang berjasa kepada kemerdekaan Indonesia yang ditangkap oleh Sukarno kerana mereka tidak berkenan dengan langkah-langkah Sukarno. Dengan kekuasaan diktatornya Sukarno sekarang telah menekan musuhnya – untuk menghancurkannya.

(bersambung ke muka 21)

Kalau kita tidak ingin keadaan demikian timbul di negeri kita, maka kita umat Islam hendaklah insaf dan bekerja keras terjun di dalam masyarakat untuk memperbaiki masyarakat, melenyapkan kemiskinan.

Syarikat kerjasama Sesuai Dengan Cita-cita Islam

Hendaklah diinsafi, bahawa di dalam masyarakat yang rakyatnya miskin, faham komunis mudah berkembang. Kalau umat Islam mengabaikan tugasnya iaitu melaksanakan ajaran Islam menciptakan keadilan Ilahi, maka akan ada pihak lain yang akan menegakkan “keadilan” yang sesuai dengan ajarannya.

Satu-satunya pertubuhan ke arah perbaikan kehidupan rakyat yang terbaik, yang menurut pendapat saya sesuai dengan cita-cita Islam, ialah: syarikat kerjasama. Sebab di dalam syarikat kerjasama tidak ada pertentangan antara majikan

dan buruh. Semuanya majikan, dan semuanya buruh.

Tetapi memang keadaan syarikat kerjasama sekarang, belum lagi merupakan syarikat kerjasama yang sebenarnya. Ia masih memerlukan perbaikan-perbaikan. Tetapi cita-citanya dapat diyakini kebaikannya.

Zakat Cukai Pergaulan

Satu peraturan yang hanya terdapat di dalam agama Islam, ialah zakat. Zakat bukanlah merupakan cukai pencarian (pendapatan), tetapi ia suatu cukai pergaulan. Suatu cukai untuk tujuan melaksanakan keadilan Ilahi, yang bersendikan cinta kasih dan damai. Hendaklah soal zakat ini mendapat perhatian sungguh-sungguh terutama kedudukannya seyogialah difahami sebaik-baiknya, hingga tujuan zakat itu tercapai.

“Hamka”¹

(sambungan dari muka 17)

Profesor Abdul Kahar Muzakkar mahaguru Universiti Islam Indonesia yang terkenal di Malaya ini sepulangnya dari perjalanannya menjajah Malaya mungkin pula terkena tangkap dan ditahan. Beberapa orang teman-temannya telah banyak menulis surat kepadanya tetapi malangnya surat-surat mereka dipulangkan kerana dikatakan ia tidak ada di Jogja seperti alamat-alamat biasa yang selalu ditulis mereka.

Kalau orang yang berjasa itu, kerana sifatnya sebagai ketua Masyumi Jogja ditangkap maka apakah lagi yang diharap oleh orang-orang Masyumi untuk memperjuangkan negara Islam di Indonesia dengan jalan

perlembagaan dapat dicapai. Dari dahulu telah banyak anjuran-anjuran supaya Masyumi bersifat tegas terhadap kepada pemerintah Sukarno tetapi hal ini tidak diindahkan sehingga akhirnya lepas satu, satu pemimpin Masyumi yang ditangkap sehingga akhirnya ada lagi pemimpin-pemimpin mereka yang bakal memimpin perjuangannya.

Sebenarnya inilah perkara-perkara kesalahan perjuangan Masyumi yang selalu beralah sehingga kekuatan mereka habis – habis disapu oleh Sukarno yang menjadi pemimpin gemarkan komunis – yang menjadi musuh Islam yang utama – yang menjadi manusia yang bertopengkan Islam tetapi sebenarnya seteru Islam.

¹ Hikmah